

Kerajaan setuju salur air Sungai Perak ke Empangan Bukit Merah

Projek RM4b penuhi bekalan terawat ke Pulau Pinang, lancarkan pembangunan KIGIP

Oleh Muhammad Zulsyamini

bhnews @bh.com.my

Bagan Serai: Kerajaan pada dasarnya bersetuju melaksanakan projek penyaluran air mentah dari Sungai Perak ke Empangan Bukit Merah di Kerian dengan sebahagian daripadanya adalah bagi penyaluran air terawat ke Pulau Pinang membabitkan kos sekitar RM4 bilion.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ia juga bagi menyokong pembangunan Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP), sebagai langkah jangka masa panjang bagi membekalkan air terawat di wilayah utara Perak serta di selatan Pulau Pinang khususnya Seberang Perai.

Beliau berkata, projek penyaluran air itu harus dijadikan keutamaan memandangkan penumpuan rancangan pembangunan di KIGIP menekankan penggunaan tenaga hijau yang ditekankan oleh banyak pelabur luar masa kini.

"Semua yang ingin melabur menekankan tentang tenaga hijau. Oleh kerana keupayaan Malaysia mengatakan 'yes', kita



Anwar menyempurnakan Majlis Peluncuran Pelan Induk Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP) di Bagan Serai, semalam. Turut hadir Fadillah (tiga dari kanan), Tengku Zafrul (kanan), Saarani (dua dari kiri) dan Kon Yeow (dua dari kanan).

(Foto BERNAMA)

akan segerakan untuk menarik mereka (pelabur) datang cepat.

"Sebab itu saya katakan satu-satu usaha pertama, langkah pertama adalah seluruh kawasan KIGIP ini yang bermula dengan sekitar 1,000 ekar (404.6 hektar) semuanya akan menggunakan tenaga hijau iaitu rekod di negara kita dan pada banyak negara lain.

"KIGIP akan memerlukan air yang cukup banyak. Kalau kita sebut pusat data yang disebut sekarang 'data center plus AI', itu keperluan tenaga, keperluan air sangat besar.

"Maka, ia dapat dipenuhi dengan pengurusan air dan juga beberapa program tempatan sekali gus dan menggunakan jalur dari Bukit Merah ke Kerian untuk memenuhi keperluan KIGIP dan dari Kerian terus ke Seberang Perai di Pulau Pinang," katanya ketika berucap merasmikan Peluncuran Pelan Induk KIGIP di Dewan Dato' Zainal Abidin, di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri II, Datuk Seri Fadhillah Yusof; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow.

Pendekatan baharu

Perdana Menteri berkata, peluncuran pelan induk KIGIP menyaksikan suatu perkembangan penting dalam ekonomi dan pembangunan bukan sahaja di Perak, malah seluruh negara dengan konteks pendekatan baharu mewujudkan taman perindustrian berteknologi tinggi yang diberi penekanan elemen tenaga hijau, selari dengan dasar kerajaan me-

ngenai transisi tenaga.

Menurutnya, kerajaan juga secara dasar turut bersetuju dengan pelaksanaan cadangan kerajaan negeri Perak bagi membina susur keluar baharu dari Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) ke KIGIP dengan anggaran kos RM60 juta yang akan turut dilengkapi fasiliti seperti tandas dan surau.

"Semuanya (di KIGIP) akan menggunakan tenaga hijau iaitu rekod di negara kita dan banyak pada negara lain.

"Dikatakan 'hijau dan taman perindustrian pintar', jadi keperluan yang pertama adalah tenaga dan saya katakan ada solar.

"Kedua adalah infrastruktur termasuk jalan raya mantap, *interchange* (susur keluar) dan juga jalan. Peruntukan awal setakat *interchange* sahaja RM60 juta, kita harus mula dan segerakan.

"Kemudian yang juga mencahar dan dikeluh oleh orang di Kerian iaitu masalah air sama ada untuk tanaman dan minum yang mana ini juga terkesan di Seberang Perai iaitu kekurangan bekalan air," katanya.

Sementara itu pada sidang media, Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), berkata projek pengurusan air berkenaan dilaksanakan secara berfasa membabitkan beberapa gerak kerja dan keperluan yang akan dimuktamadkan tahun hadapan.

Katanya, apa yang kini sudah dipersetujui untuk isu pembekalan air itu adalah ia akan diambil dari Sungai Perak, disalurkan ke Bukit Merah melalui terowong yang akan dibina, dengan apa juga proses terutama pembersihan akan dilaksanakan di Bukit Merah.